



TEKS UCAPAN

**PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

SEMPENA
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERKEMAHAN KADET
BOMBA PERINGKAT NEGERI TAHUN 2025**

PADA
04 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

MASA
2:50 Petang

TEMPAT
**KEM PERAH, *FOREST RESEARCH INSTITUTE*
MALAYSIA (FRIM) KEPONG, SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha MUHAMMAD TARMIZI BIN MUHAMAD NOR

Ketua Penolong Pengarah Pendidikan

Unit Pembangunan Bakat Murid

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian

Jurulatih Kebangsaan JBPM K.L.

Guru-guru Sekreteriat Kebangsaan dan Guru-Guru Pengiring

Pegawai-pegawai Teknikal

Para Pelajar Kadet Bomba WPKL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Jabatan Bomba Berperestasi Tinggi Cepat & Mesra,

Salam Bomba KL Metropolitan dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu marilah kita melafazkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, dapat bersama-sama kita berkumpul di Kem Perah, FRIM Kepong pada petang ini bagi menjayakan

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERKEMAHAN KADET BOMBA
PERINGKAT NEGERI TAHUN 2025**

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur di atas usaha dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Perkemahan Kadet Bomba Peringkat Negeri Tahun 2025 ini.

Perkemahan Kadet Bomba ini bukan sekadar perkemahan semata-mata. Malah ianya Adalah Latihan Pusat bagi persedian untuk Pertandingan Perkemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada **8 hingga 11 September 2025** di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Marang, Terengganu.

Apa yang difahamkan Perkemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan kali ini terbahagi kepada **2 kategori** iaitu **Kategori Bersemuka** dan **Kategori Dalam Talian**.

Bagi Kategori bersemuka terdapat 6 acara yang dipertandingkan iaitu:

- 1. Kawad Operasi Kering,**
- 2. ASPEC Challeng,**
- 3. Brain & Brown Challenge,**
- 4. Ikatan dan Simpulan,**

5. Kadet Challenge dan

6. Kebudayaan

manakala Kategori Dalam Talian Adalah:

1. Kawad Kaki dan

2. Montaj Fire Drill,

yang mana telah selesai dilakukan pada bulan ogos yg lepas.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Para pelajar yang dikasihi sekalian.

Misi kita pada Pertandingan Kadet Bomba peringkat Kebangsaan kali ini adalah untuk mengekalkan kejuaraan yang lepas. Dengan adanya jurulatih-jurulatih dan guru-guru Kadet Bomba yang berpengalaman serta berkat usaha para pelajar dan latihan yang telah dilalui saya yakin bahawa kita boleh mengekalkan kejuaraan pada pertandingan kali ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan WPKL di atas kerjasama yang amat baik dalam menganjurkan perkemahan yang bermakna ini. Kita juga amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan yang sentiasa memberikan sokongan penuh bagi melaksanakan program-program berkaitan Kadet Bomba ini.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Majlis Perasmian Penutupan Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Tahun 2025 dengan jayanya.

Dengan itu,

dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,

**saya dengan sukacitanya merasmikan majlis penutupan
perkhemahan kadet bomba peringkat negeri tahun 2025**

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**